

**PERADUAN SAMSUNG PAY KAD KREDIT & KAD DEBIT-i HONG LEONG
HONG LEONG BANK BERHAD DAN HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD**

TEMPOH PROMOSI

“Peraduan Samsung Pay” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) (HLB dan HLISB secara kolektif disebut “Bank”) bermula dari 10 September 2018 dan berakhir pada 31 Disember 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Promosi terbuka kepada seluruh Pemegang Kad Kredit Utama dan Pemegang Kad Debit Utama Bank yang sedia ada dan baharu yang telah berjaya berdaftar untuk Kad Kredit, Kad Debit atau Kad Debit-i Bank (secara kolektif disebut “Kad Hong Leong”) yang dikeluarkan oleh Bank termasuk semua Kad Kredit Mac dan Kad Debit Mac sedia ada, kemudian daripada ini disebut secara kolektif sebagai “Pemegang Kad Layak”, kecuali golongan yang dinyatakan dalam Fasal 2.
2. Pemegang Kad Layak tidak meliputi golongan berikut:
 - a. Pemegang Kad yang memiliki Kad Kredit/Debit-i yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - b. Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit/Debit-i mereka TIDAK berkedudukan baik, tidak aktif, dipautkan kepada Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i (“CASA/CASA-i”) yang telah ditutup atau tidak aktif atau yang melanggar mana-mana terma dan syarat Akaun Kad Kredit/Debit-i dan/atau akaun CASA/CASA-i Bank pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi; dan/atau
 - c. Pemegang Kad yang Akaun Kad Kredit atau Akaun Kad Debit-i mereka dipercayai telah dikendalikan secara tipu, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Kredit/Debit-i mereka tidak sah atau dibatalkan menurut takrif Bank pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi sehingga berakhirnya tempoh pemenuhan.
3. Dengan menyertai Promosi dan/atau dengan menerima Hadiah (seperti ditakrif dalam Fasal 4 di dalam ini), Pemegang Kad Layak bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat yang dinyatakan di dalam ini.

KAEDAH PROMOSI

4. Agar berpeluang memenangi SATU (1) Alatan Samsung (“Hadiah”), Pemegang Kad Layak mestilah melakukan hal-hal berikut semasa Tempoh Promosi:
 - a) melakukan Transaksi Layak (seperti ditakrif dalam Fasal 7 di bawah) dengan apa-apa amaun dalam satu resit menggunakan mana-mana Kad Hong Leong melalui Samsung Pay; dan
 - b) memperoleh penyertaan peraduan (“Penyertaan Peraduan”) mengikut kriteria seperti tertera dalam jadual di bawah.

Kriteria Peraduan	Penyertaan Peraduan
Bagi setiap transaksi Samsung Pay yang dilakukan, biar berapa amaunnya, dalam satu resit	1 Penyertaan
Pendaftaran baharu mana-mana Kad Hong Leong ke dalam Samsung Pay, dengan syarat: <ul style="list-style-type: none"> - Baru kepada Samsung Pay - Hanya SATU Kad Hong Leong setiap pemegang kad 	5 Penyertaan
Bagi setiap RM300 transaksi terkumpul dengan Samsung Pay	10 Penyertaan

5. Contoh-contoh berikut menerangkan tentang kaedah peraduan.

Contoh 1: Senario bagi Pemegang Kad Layak Sedia Ada

Butir-butir	Penyertaan Peraduan
Pemegang Kad Layak melakukan enam (6) Transaksi Layak melalui Samsung Pay semasa Tempoh Promosi.	6
Pemegang Kad Layak melakukan transaksi terkumpul bernilai <u>RM1,000</u> semasa Tempoh Promosi	30
Jumlah Penyertaan Peraduan	36

Contoh 2: Senario bagi Pemegang Kad Layak Baharu

Butir-butir	Penyertaan Peraduan
Pemegang Kad Layak melakukan sepuluh (10) Transaksi Layak melalui Samsung Pay semasa Tempoh Promosi	10
Pemegang Kad Layak mendaftarkan Permohonan Kad Hong Leong ke dalam Samsung Pay kali pertama.	5
Pemegang Kad Layak melakukan transaksi terkumpul bernilai <u>RM800</u> semasa Tempoh Promosi	20
Jumlah Penyertaan Peraduan	35

6. Senarai Hadiah dan bilangan Pemenang Hadiah (seperti ditakrif dalam 13 di dalam ini) bagi Promosi ini adalah seperti berikut:-
Jadual Hadiah:

Hadiah	Item	Bilangan Pemenang Hadiah
Hadiah Utama	Samsung Galaxy S9+ (64GB)	15
Hadiah Pertama	Samsung Galaxy A6+ (32GB)	30
Hadiah Kedua	Samsung Gear S3	30
Hadiah Ketiga	Samsung 10,000 mAH Power Bank	60

7. Transaksi Layak merupakan bayaran diluluskan yang dibuat oleh Pemegang Kad Layak menggunakan mana-mana Kad Hong Leong melalui Samsung Pay pada pembaca/terminal yang menerima transaksi Samsung Pay di Malaysia.
8. Transaksi Layak adalah **TIDAK TERMASUK** yang berikut:
- Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - Bayaran Fi Pengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Kredit/Debit/-i ; atau
 - Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai (termasuk Caj Penalti oleh HLB) yang dikenakan oleh Bank.

9. Penjejakkan Transaksi Layak akan berdasarkan tarikh transaksi (dan waktu berdasarkan Waktu Malaysia bagi Transaksi Layak) yang tercatat dalam sistem Bank sepanjang Tempoh Promosi untuk menentukan kelayakan Pemegang Kad Layak menerima Hadiah yang akan dilakukan setelah tamatnya Tempoh Promosi. Penyertaan tidak perlu didaftarkan.
10. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemaparan dalam sistem Bank yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad tertinggal daripada menerima atau berhak mendapat Hadiah untuk Promosi, atas apa jua sebab sekalipun.

PEMENUHAN HADIAH DAN PEMILIHAN PEMENANG

11. **DUA RATUS LIMA PULUH** (250) Pemegang Kad Layak akan disaring secara rambang setelah tamatnya Tempoh Promosi untuk memilih pemenang Hadiah ("Pemegang Kad Disaring").
12. Pemegang Kad Disaring akan dihubungi oleh Bank atau pengurus peraduan lantikannya Dynamic Search Sdn Bhd (136574V) ("Dynamic Search") atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Pemegang Kad Disaring seperempena terdapat dalam sistem Bank pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9.00 pagi hingga 5:00 petang) untuk sesi soal jawan untuk menjawab **dua** (2) soalan dengan betul dalam rangka masa terpantas. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Disaring berkewajipan memberi maklumat hubungan mereka yang terkini dan tepat (iaitu nombor telefon bimbit dan/atau telefon rumah) kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemegang Kad Disaring sukar dihubungi selepas tiga (3) kali percubaan pada hari yang sama atas apa jua sebab sekalipun dan/atau Pemegang Kad Disaring ingin menarik diri daripada Promosi apabila dihubungi oleh wakil Bank atau Dynamic Search, kelayakannya untuk menyertai Promosi akan terlucut.
13. **SATU RATUS TIGA PULUH LIMA** (135) Pemegang Kad Disaring yang teratas dan yang dapat menjawab dua (2) soalan dengan betul dalam masa terpantas akan dipilih sebagai pemenang ("Pemenang Hadiah"). Peruntukan Hadiah akan bergantung kepada masa yang diambil oleh setiap Pemenang Hadiah untuk menjawab dengan betul seperti tertera dalam jadual di bawah:

Pemenang Hadiah	Hadiah
Tempat Pertama hingga ke-15 teratas	Hadiah Utama
Ke-16 hingga ke-45	Hadiah Pertama
Ke-46 hingga ke-75	Hadiah Kedua
Ke-76 hingga ke-135	Hadiah Ketiga

14. Kad Hong Leong Pemegang Kad Layak mestilah kekal sah dan aktif pada masa pengekstrakan data bagi tujuan pemenuhan Hadiah, jika tidak, Pemegang Kad Layak akan terlucut kelayakan daripada menerima Hadiah dan Hadiah itu akan dilupuskan.
15. Hadiah akan dihantar kepada alamat pos Pemenang Hadiah dalam masa **dua belas (12) minggu** setelah berakhirnya Tempoh Promosi. Bagaimanapun, Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan dalam proses pemenuhan Hadiah.
16. Pemenuhan dan penghantaran Hadiah akan dilaksanakan dan disokong oleh pihak penyedia pemenuhan dibenarkan Bank, Tri-E Marketing Sdn Bhd (825150-M) ("Tri-e Marketing"), yang boleh dihubungi di 03-8076 1313 (dari 9.00 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat). Sebarang permintaan supaya Hadiah dihantar kepada alamat yang lain selain alamat pos Pemenang Hadiah tidak akan dilayani.



17. Pengumuman Pemenang Hadiah dalam laman web HLBB dan laman web HLISB di www.hlisb.com.my (secara kolektif dikenali sebagai "Laman Web Bank") dan/atau menerusi Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") dalam masa **dua belas (12) minggu** setelah tamatnya Tempoh Promosi ("Pemberitahuan").
18. Pemegang Kad Layak yang tidak menerima Pemberitahuan tersebut daripada Bank selewat-lewatnya minggu ke-12 setelah berakhirnya Tempoh Promosi dianggap TIDAK berhak mendapat Hadiah.
19. Pemenang Hadiah adalah bertanggungjawab memberitahu Bank melalui surat jika tidak menerima Hadiah tidak lewat daripada **satu (1)** bulan dari tarikh penerimaan Pemberitahuan yang dinyatakan dalam Fasal 17 di dalam ini, jika tidak, mereka akan dianggap telah menerima Hadiah itu daripada Bank. Bank tidak akan melayani sebarang tuntutan tidak terima hadiah oleh Pemenang Hadiah selepas tamatnya rangka masa **satu (1)** bulan yang disebut awal tadi.
20. Terma dan syarat Hadiah, termasuk terma jaminannya, akan dikuatkuasakan. Pemenang Hadiah bersetuju merujuk apa-apa masalah atau persoalan dengan Hadiah secara langsung kepada syarikat pengeluar Hadiah.
21. Bank boleh menggantikan Hadiah dengan produk-produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank atau apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh Bank dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak.
22. Perkhidmatan SMS bagi Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech").
23. Pemegang Kad dengan ini memberi keizinan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon bimbit, alamat pos, nama dan 4 digit terakhir nombor kad pengenalan kepada M3Tech, Dynamic Search dan Tri-E Marketing bagi tujuan Promosi ini.
24. Pemegang Kad Layak juga dengan ini memberi keizinan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan atau menyiarkan nama, nombor Kad Hong Leong (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanan (jika berkenaan) bagi tujuan Promosi ini.

UMUM

25. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Kad Layak bersetuju:-
 - a) Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Hadiah;
 - b) Mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi di dalam ini, Terma dan Syarat Kad Kredit, Terma dan Syarat Kad Debit/-i, Terma dan Syarat Am Akaun, atau mana-mana terma dan syarat berkenaan yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut;
 - c) Keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan peraduan adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad. Sebarang rayuan atau surat-menyerat tidak akan dilayani;
 - d) Mengakses Laman Web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi ini dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat tersebut.
26. Bank berhak:
 - a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggantian Hadiah dengan produk lain yang sama nilainya menurut budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank, atau dengan apa-apa cara lain yang

- diangap wajar oleh Bank, untuk memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad;
- b) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak atas apa jua sebab sekalipun yang diangap wajar oleh Bank menurut budi bicara mutlaknya daripada menyertai Promosi dan/atau berhak menerima Hadiah; dan
 - c) melupuskan Hadiah sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi.
27. Pemegang Kad Layak adalah dipertanggungjawabkan dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi dan/atau pengambilan Hadiah.
28. Bank tidak akan bertanggungjawab ataupun menerima apa jua jenis liabiliti dan bagaimana berbangkit sekalipun atau ditanggung oleh Pemegang Kad Layak dan/atau pihak ketiga berakibat secara langsung atau tidak langsung daripada Promosi.
29. Bank berhak menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, untuk menggantung atau menamatkan Promosi ini menurut budi bicara mutlak Bank dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank masing-masing, atau dengan apa jua cara yang dianggap sesuai oleh Bank.
30. Pemegang Kad Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada Bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak menyertai Promosi dan/atau TIDAK berhak menerima Hadiah.
31. Terma & Syarat di dalam ini dan terma dan syarat Kad Kredit, Terma dan Syarat Kad Debit/-i, Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu perjanjian keseluruhan sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat Promosi ini dengan Terma dan Syarat Kad Kredit, Terma dan Syarat Kad Debit/-i, Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
32. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini berbanding bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.
33. Terma & Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
34. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i Hong Leong yang dipautkan kepada Kad Debit/-i Hong Leong layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).